

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: PPA UUM COB
Sent: Thursday, April 12, 2018 3:10 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: INTERNATIONAL EXCHANGE STUDENT SUMMER CAMP 2018



Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

12 APRIL 2018 / 25 REJAB 1439H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TEKEMUKA”
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum & salam sejahtera

Oleh: Farhan Asyraf (Timbalan Presiden GBC)
Gambar oleh: Unit media GBC

INTERNATIONAL EXCHANGE STUDENT SUMMER CAMP 2018



PPA COB ONLINE: Pada 5 hingga 7 April 2018 yang lalu, *Kelab Global Buddies* (GBC UUM) telah menganjurkan program “INTERNATIONAL EXCHANGE STUDENT SUMMER CAMP 2018” bertempat di Pulau Langkawi, Kedah.

Program selama 3 hari 2 malam ni telah disertai seramai 46 orang pelajar *mobility inbound* dari Kolej Perniagaan (COB), Kolej Sastera dan Sains (CAS) dan Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS). Rata-rata pelajar adalah dari negara China, Jepun, Indonesia dan juga Brunei yang diselia oleh empat orang pegawai pengiring.

Antara pengisian program adalah aktiviti di Rumah Asuhan Nur Kasih Langkawi, yang menempatkan anak-anak yang kurang berkemampuan. Di sini, peserta bersama anak-anak Rumah Asuhan Nur Kasih telah mengambil peluang beramah mesra dan mengenali anak-anak ini dengan lebih dekat. Sedikit sumbangan juga turut disalurkan kepada penghuni bagi meringankan beban mereka.

Nazihah binti Noorsah, pelajar dari Brunei Darussalam mengatakan beliau sangat gembira dan bersyukur kerana diberi peluang untuk turut serta dalam program ini malah turut tersentuh dengan semangat yang ditunjukkan oleh anak-anak yang kurang bernasib baik tersebut.

Demi kesejahteraan sejagat dan kehijauan bumi, peserta juga didedahkan dengan aktiviti menyemai benih pokok bakau di Kilim Karst Geoforest Park, Langkawi.

Kohei Saito, peserta dari Jepun mengatakan dirinya sangat beruntung kerana diberi peluang untuk mempelajari dan merasai pengalaman memegang dan menyemai biji benih pokok bakau. Ini merupakan pengalaman pertama Kohei menyemai benih bakau.

Majlis penutup disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Mohamad Farizal Rajemi, Pengarah Pusat Kerjasama dan Hal Ehwal Antarabangsa (CIAC). Dalam ucapannya, beliau berasa gembira dan bangga kerana program ini berlangsung dengan jayanya dan beliau juga mengucapkan tahniah kepada Global Buddies Club, (GBC UUM) kerana berjaya menjalankan program ini dengan melibatkan pelajar-pelajar mobiliti dari 3 kolej di UUM. Beliau juga berharap GBC akan terus menjalankan program-program berimpak besar untuk pelajar mobiliti pada masa akan datang.

HABIS

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni

UUM College of Business

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

☎ 04-928 6610

☎ 04-928 6606

Website: <http://uumppacob.uum.edu.my>

Facebook: www.facebook.com/PPACOB



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
OF MBAs
ACCREDITED



IQA
International
Quality
Accreditation



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.